

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pendidikan Islam Kertas 1 ini mengandungi 2 bahagian:

- Bahagian A: Mengandungi 40 soalan iaitu 20 Soalan Objektif Aneka pilihan dan 20 soalan mengisi tempat kosong. Calon dikehendaki menjawab semua soalan.
- Bahagian B: Mengandungi 4 Soalan Subjektif: Respon terhad dan struktur. Calon dikehendaki menjawab 3 soalan. Soalan 1 dan 2 adalah wajib manakala calon boleh memilih mana-mana soalan sama ada soalan 3 atau 4.

Calon diberi masa 2 jam untuk menjawab kedua-dua bahagian tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya tahap pencapaian calon adalah baik. Huraian isi jawapannya sangat baik dan disusun dengan kemas. Bilangan calon yang mendapat markah cemerlang semakin meningkat. Manakala sebahagian besar calon berada pada tahap sederhana dengan mengemukakan huraian isi yang agak kabur yang diolah sendiri tetapi masih menepati kehendak soalan. Sebahagian kecil calon masih berada pada tahap lemah serta tidak menepati kehendak dan kata tugas soalan. Faktor utama kegagalan kumpulan terendah ialah calon tidak menguasai kemahiran 3M. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan terdapatnya calon yang hanya menyalin soalan ataupun nombor soalan sahaja.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN**Calon Kumpulan Tertinggi**

Calon kumpulan ini dapat mengemukakan jawapan yang menepati dengan kehendak soalan. Persembahan isi jawapan menepati tugas soalan serta jelas dan kemas. Calon menulis huraian isi fakta yang jelas dan baik serta mengemukakan pilihan jawapan yang melebihi kehendak soalan dalam pelbagai bentuk, konstruk dan aras kesukaran sama ada pengetahuan mahupun KBKK. Pada keseluruhannya keadaan ini menggambarkan calon menguasai isi pelajaran dengan baik.

Calon Kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan ini dapat mengemukakan sebahagian isi jawapan dengan baik tetapi sebahagian isi jawapan yang lain dijawab dengan huraian rekaan sendiri. Namun begitu persembahan jawapannya masih menghampiri isi skema jawapan. Terdapat juga calon yang masih keliru antara ciri-ciri ajaran sesat dalam akidah. Sebahagian calon kumpulan ini mempersembahkan isi jawapan yang berulang-ulang dan sedikit kabur yang memerlukan pentafsiran yang terperinci. Penyampaian dan penyusunan jawapan sederhana tetapi masih sesuai dengan kehendak soalan.

Calon Kumpulan Rendah

Calon dalam kumpulan ini mengemukakan isi jawapan yang tidak menepati kehendak soalan dan kurang jelas. Calon menulis jawapan tanpa fakta dan huraian yang jelas malahan sebahagian calon hanya menulis satu patah perkataan. Sesetengahnya pula hanya menyalin soalan kerana calon tidak menguasai 3M. Calon gagal menguasai istilah-istilah tertentu seperti sumber pegangan, menuntut fasakh, Hujjatul Islam, Ghanimah, Kharaj dan sebagainya. Sehubungan dengan itu calon gagal menjawab soalan hukum dan alasan. Calon juga tidak menguasai soalan berbentuk perbezaan. Calon kumpulan ini juga tidak mematuhi arahan soalan, contohnya calon menjawab cerai soalan daripada soalan yang berbeza tanpa mengikut susunan nombor soalan.

PRESTASI TERPERINCI SETIAP SOALAN

Soalan 1(a)(i)

*Taubat wajib bagi mereka yang telah melakukan dosa.
Nyatakan maksud taubat.*

Contoh Jawapan Yang Baik

1) Maksud taubat adalah menyesal setelah melakukan ^{pelecehan} kesalahan dan segera meminta keampunan daripada Allah. ✓

Contoh lain

- Kembali ke pangkal jalan setelah melakukan dosa dan maksiat.
- Taubat adalah penyesalan yang sebenar-benarnya oleh seseorang setelah dia melakukan perbuatan-perbuatan yang menjadi larangan Allah.
- Taubat ialah permohonan pengampunan secara bersungguh-sungguh atas perbuatan yang telah dilakukan tanpa mengulanginya semula.

Ulasan

Calon cemerlang mengemukakan jawapan yang lengkap dengan huraian yang jelas menepati kehendak soalan yang berkaitan dengan maksud taubat. Struktur ayat disusun dengan teratur menggambarkan calon menguasai isi pelajaran dengan baik.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

1.a) i)
Taubat bermaksud ~~tidak akan melakukan perbuatan~~ yang dilakukan lagi.

Contoh lain

- Menyesal
- Berjanji tidak melakukan lagi.

Ulasan

Calon sederhana mengemukakan jawapan taubat secara umum. Terdapat juga calon yang hanya menjawab dengan satu perkataan sahaja tanpa huraian. Jawapan yang diberikan oleh calon hanya memenuhi sebahagian daripada maksud sebenar taubat. Keadaan ini menunjukkan calon hanya menguasai sebahagian isi pelajaran yang menyebabkan mereka keliru antara maksud dan ciri sesuatu konsep.

Contoh Jawapan Yang Rendah

di. Taubat ialah perbuatan yg tidak baik / tidak
akan dibinet oleh umat Islam.

Calon menjawab tidak menepati kehendak soalan/menyalin semula soalan

Ulasan

Calon lemah mengemukakan jawapan yang direka menurut kefahaman sendiri. Jawapan yang dikemukakan menyimpang daripada maksud taubat. Sesetengah calon dalam kumpulan ini pula hanya menyalin soalan tanpa sebarang jawapan. Situasi ini menggambarkan calon langsung tidak menguasai isi pelajaran dan gagal menjawab mengikut kehendak soalan.

Soalan 1(a)(ii)

Senaraikan empat syarat taubat yang diterima.

Contoh Jawapan Yang Baik

i. Syarat taubat:-
1. Menyesal^{p1 1m} dengan keratohan atau maksiat yang dilakukan
2. Berhenti^{p2 1m} melakukan maksiat tersebut.
3. Berazam^{p3 1m} tidak akan mengulangi maksiat yang dilakukan
4. Berterus terang^{p4 1m} dan memohon maaf

Contoh Lain

Empat syarat taubat ialah

- Berazam tidak mahu melakukan dosa dan maksiat yang dilakukan.
- Bertaubat dengan bersungguh-sungguh.
- Meminta maaf kepada manusia jika kesalahan melibatkan manusia.
- Meninggalkan dosa dan maksiat yang dilakukan.

Ulasan

Calon cemerlang mempersembahkan isi jawapan yang tersusun dengan olahan yang baik. Fakta yang dikemukakan memenuhi kehendak soalan. Keadaan ini menggambarkan calon menguasai isi pelajaran dengan baik sehingga dapat membezakan antara ciri dan syarat .

Contoh Jawapan Yang Sederhana

| |
|---|
| (ii) Empat syarat taubat ialah |
| 1. Insaf dan ¹ menyesal di atas perbuatan buruk yang pernah dilakukan. _{P1} |
| 2. Tidak akan mengulangi ¹ lagi perbuatan yang buruk yang pernah dilakukan. _{P3} |
| 3. Meminta ampun dan berdoa kepada Allah supaya kesalahan diampunkan. _{P1} |
| 4. Menjauhkan diri daripada perkara - perkara yang boleh merasakan iman. |

Contoh 2

Syarat taubat:

- Memohon keampunan dengan sesungguhnya daripada Allah S.W.T.
- Mengakui dan insaf atas kesalahan yang dilakukan.
- Berikrar tidak akan melakukan kesalahan berkenaan lagi
- Memohon maaf sekiranya kesalahan itu dilakukan terhadap orang lain
- Sedar kesalahan yang dilakukan

Contoh 3

Bertaubat kerana Allah Taala, berjanji tidak akan mengulanginya lagi, bertaubat dengan berdoa kepada Allah dan bertaubat dengan bersungguh-sungguh.

Ulasan

Calon sederhana memberikan jawapan yang menepati sebahagian isi pelajaran. Isi yang dipersembahkan kadangkala berulang dengan laras bahasa yang mempunyai maksud yang sama. Jawapan calon menggambarkan kekeliruan fakta antara syarat dengan cara bertaubat. Sebahagian calon yang lain pula mempersembahkan isi jawapan secara umum

dengan membuat rumusan dalam satu huraian yang bercampur aduk yang memerlukan tafsiran teliti.

Contoh Jawapan Yang Rendah

ii. Terdapat empat syarat taubat yang ditehnik ialah dengan sebahagian nyanyu untuk meminat keampunan atas dosa yang dilakukan selain itu, kita peku banyak berzikir kepada Allah, dan yang paling penting banyakkan membaca Al-quran dan yasin untuk menginsafikan dosa yang dilakukan.

Contoh 2

- i. Bersembahyang
- ii. Berdoa
- iii. Melakukan kebaikan
- iv. Tidak mengulangi kesalahan

Contoh 3

- a) Berakal
- b) Baligh
- c) Islam

Ulasan

Calon lemah mengemukakan jawapan secara rambang dan menghuraikan secara panjang lebar sehingga terkeluar daripada kehendak soalan. Hal ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran dengan baik. Calon tidak mampu membezakan syarat, ciri dan cara melaksanakan sesuatu konsep dalam bidang akidah. Hal ini menyebabkan calon keliru mengemukakan jawapan yang dikehendaki oleh soalan.

Soalan 1(a)(iii)

Razali telah mencuri wang kawannya sebanyak RM50.00.
Terangkan **dua** cara yang perlu dilakukannya untuk bertaubat.

Contoh Jawapan Yang Baik

1) 2 cara yang perlu dilakukan untuk bertaubat

- memulangkan kembali ^{p2 am} wang tersebut.
- Meminta ^{p1 am} maaf kepada orang tersebut.
- Tidak akan melakukan ^{p4} kesalahan tersebut.

Contoh 2

Dua cara yang perlu dilakukan untuk bertaubat adalah

1. Memohon maaf kepada rakannya itu
2. Memulangkan sejumlah wang yang sama jumlahnya dengan wang yang dicuri.
3. Berazam untuk tidak mengulangi dosa tersebut.

Ulasan

Calon cemerlang mempersembahkan isi jawapan yang tersusun serta memenuhi kehendak soalan. Penulisan isi jawapan calon ini menggambarkan kefahaman dan penguasaan isi pelajaran secara menyeluruh. Calon dapat membezakan antara cara dan syarat dengan jelas dan tepat. Setiap isi jawapan disertai huraian yang mantap dan kemas.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

ii - Memulangkan ~~balik~~ wang yang telah dicuri,
- Segera bertaubat kepada Allah s.w.t.

Contoh 2

- (1) Berjanji tidak akan melakukan perbuatan dan kesalahan yang telah dilakukan.
- (2) Meninggalkan dan menjauhi perbuatan dan kesalahan yang telah dilakukan.
- (3) Berazam tidak akan mengulanginya.

Ulasan

Calon sederhana mengemukakan jawapan bercampur antara betul dengan salah. Terdapat juga jawapan yang berulang. Persembahan jawapan calon menunjukkan ada sedikit kekeliruan dalam isi pelajaran berkaitan taubat antara syarat dan cara. Justeru jawapan yang dikemukakan kurang menepati kehendak soalan.

Contoh Jawapan Yang Rendah

ii) Dua cara yang diperlu dilakukan untuk bertaubat ialah rajin beribadah
dan banyak berzikir -

Contoh 2

Meminta maaf kepada Razali.

Ulasan

Calon lemah mengemukakan isi jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Malahan isi jawapan calon secara langsung menggambarkan kegagalannya memahami kehendak soalan. Soalan di atas meminta cara menjelaskan cara-cara bertaubat sementara calon membuat pernyataan umum tanpa mengaitkan dengan isu soalan. Ini menggambarkan calon langsung tidak menguasai isi pelajaran.

Soalan 1(b)(i)

Rasulullah S.A.W memberi jaminan bahawa orang yang mengikut akidah ahli Sunah Waljamaah tidak akan sesat selama-lamanya.

i. Nyatakan **dua** sumber pegangan Ahli Sunah Waljamaah yang menyebabkan mereka mendapat jaminan di atas

Contoh Jawapan Yang Baik

| |
|---|
| b) i) 2 sumber pegangan Ahli Sunah Waljamaah. |
| - Al-Quran $\frac{1}{P1}$ |
| - Al-hadis $\frac{1}{P2}$ |

Ulasan

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan dengan tepat dan jelas sebagaimana isi pelajaran. Persembahan jawapan juga didahului dengan mukadimah jawapan diikuti fakta yang tersusun dan kemas.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

| | |
|--|---------------|
| b) i. Dua sumber yang dapat menjamin daripada pegangan tersebut ialah: | . |
| 1. Mereka tidak akan sesat | $\frac{1}{2}$ |
| 2. Akidah mereka tidak terpesong | |
| 3. Ajaran Rasulullah S.A.W | |
| 4. P2 1M | |

Contoh 2

Ahli Sunnah Waljamaah berpegang teguh kepada ajaran Rasulullah S.A.W. dan ini juga telah dinyatakan dalam hadis Rasulullah S.A.W.

Contoh 3

- 1) Menggunakan al-Quran sebagai panduan dan petunjuk sebagai jalan yang benar dan lurus.
- 2) Sentiasa berzikir, bersyukur dan berdoa agar tidak terpesong akidahnya.

Contoh 4

- i) Ahli Sunnah Waljamaah berpegang kepada ajaran Rasulullah S.A.W.
- ii) Beriman kepada Allah

Ulasan

Calon sederhana mengemukakan isi jawapan dengan olahan sendiri dan sebahagian daripada fakta tidak memenuhi kehendak soalan. Persembahan jawapan calon menunjukkan kegagalan calon dalam memahami dan menguasai isi pelajaran berkaitan sumber atau cara menjamin pegangan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah. Jawapan calon berbentuk pemyataan umum yang tidak menepati isi pelajaran.

Contoh Jawapan Yang Rendah

b) (i) berpegang kepada pendidikan nya. X

Contoh 2

a) Ingin mendirikan agama Islam.

Contoh 3

- Membuat kebaikan
- Sentiasa menambah iman.

Ulasan

Calon lemah mengemukakan satu pilihan jawapan sahaja. Pilihan berkenaan langsung tidak menepati kehendak soalan. Soalan meminta calon menjelaskan sumber pegangan Ahli Sunah sebaliknya calon menyatakan cara mengukuhkan pegangan dan tujuan berpegang dengan Ahli Sunah. Persembahan jawapan ini menggambarkan calon tidak menguasai isi pelajaran berkenaan.

Soalan 1(b)(ii)

ii. Terangkan cara untuk memantapkan akidah supaya tidak mudah terpesong daripada akidah Ahli Sunah Waljamaah.

Contoh Jawapan Yang Baik

Cara memantap akidah:-

1. Mendalami # Ilmu Agama P1 2m
2. Mendampingi ulama P1
3. Memantap iman P2
4. Menjauhi perkata mungkar P6
5. Memohon doa kepada Allah P4
6. Meningkatkan ibadah kepada Allah P5
7. Sentiasa berzikir 3m

Contoh 2

- Sentiasa berdoa kepada Allah supaya tidak terpesong daripada akidah Ahli Sunah Wal jamaah.
- Menjauhkan diri daripada orang yang mengamalkan ajaran sesat.
- Meninggalkan kemungkaran.

Ulasan

Calon cemerlang menghuraikan isi jawapan dengan mantap dan olahan yang tersusun. Pelbagai pilihan jawapan yang munasabah dipersembahkan dalam jawapan dengan didahului mukadimah jawapan yang merupakan teknik yang menarik serta kemas. Hal ini menunjukkan calon menguasai isi pelajaran serta teknik menjawab dengan baik.

Contoh Jawapan Yang Rendah

| | |
|------|---|
| (ii) | memberi sokongan kepada ahli sunnah waljamaah ketika memantaf akidah. |
|------|---|

Contoh 2

- Mencemarkan al-Quran dan Hadis.
- Merosakkan Akidah
- Percaya pelaku dosa besar masih mukmin tetapi fasik
- Al-Quran bukan makhluk
- Tidak mengkafirkan golongan yang tidak seialiran dengan mereka.

Ulasan

Calon lemah mengemukakan jawapan yang kabur yang menyimpang daripada kehendak soalan. Sebahagiannya pula menyediakan pilihan jawapan yang banyak tetapi ianya langsung tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Contohnya soalan di atas meminta calon menghuraikan cara memantapkan akidah sebaliknya calon menyatakan akibat dan pandangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Soalan 1(c)(i)

Ajaran Taslim ialah ajaran sesat yang tertua di Malaysia.

i. Nyatakan **dua** ciri ajaran Taslim yang bertentangan dengan akidah Islam.

Contoh Jawapan Yang Baik

| |
|---|
| a) 2 ciri ajaran taslim |
| • beriktikad bahawa alam ini bersifat gadim (kekai) |
| • beriktikad bahawa semua agama adalah sama X |
| • mengharuskan nikah batin P3 |
| • solat hanya dengan niat sahaja tanpa rukun dan perubahan P4 |

Contoh 2

- Alam ini bersifat qadim
- Solat hanya dengan niat
- Menolak kewujudan hari kiamat.

Ulasan

Calon cemerlang mengemukakan pilihan jawapan yang banyak melebihi tugas yang dikehendaki dalam soalan. Bahasa yang digunakan jelas dengan huraian fakta yang kemas dan tersusun. Pilihan jawapan menepati isi pelajaran yang berkaitan dengan ciri-ciri ajaran Taslim.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

| | | |
|--|-----|-----|
| i) -beriktigad bahawa alam ini bersifat qadim. | P10 | 1/1 |
| -menyifatkan bahawa diri zahir manusia adalah Allah, masalah batin manusia nur Muhammad. | X X | 2 |

Contoh 2

- Tafsir al-Quran menggunakan nafsu
- Beriktikad diri zahir manusia Allah dan batin manusia Nur Muhammad S.A.W.
- Menolak **semua** rukun iman

Ulasan

Calon sederhana mengemukakan pilihan jawapan yang terhad. Sebahagian yang lain menyatakan jawapan yang tidak mencukupi tugas soalan. Sebilangan jawapan yang diberikan pula biasanya menyalahi fakta sebenar. Tugas soalan meminta calon menghuraikan ciri ajaran Taslim sebaliknya calon menjelaskan prinsip ajaran tersebut. Hal ini membuktikan calon tidak menguasai isi pelajaran (ajaran Taslim) yang mengakibatkan calon gagal menepati sepenuhnya kehendak soalan.

Contoh Jawapan Yang Rendah

| | | |
|---|-----|--|
| c) i) 2 ciri ajaran Taslim - | | |
| - Raja Muhammad Matahari sebagai pelapor. | X | |
| - Kitab Tazkirah sebagai panduan. | X X | |

Contoh 2

- Guna kitab al-Tazkirah
- Menolak hadis
- Mengubah ajaran Islam
- Boleh mendatangkan keburukan
- Nabi Isa mati disalib
- Mengubah al-Quran.

Contoh 3

- Bertentangan agama Islam
- Akidah kurang mantap
- Rosak akidah
- Kurang didikan agama.

Contoh 4

- Menyatakan bahawa Allah tidak wujud
- Tidak mempercayai hadis.
- Menghapuskan jihad
- Semua agama sama

Ulasan

Calon lemah juga menulis jawapan yang melebihi tuntutan tugas soalannya, malangnya pilihan jawapan calon langsung tidak berkaitan dengan kehendak soalnya. Soalnya menghendaki ciri ajaran Taslim sebaliknya calon menghuraikan prinsip ajaran tersebut dan punca-punca terlibat dengan ajaran berkenaan. Sebahagian calon yang lain pula menyatakan akibat berpegang dengan ajaran Taslim. Keadaan ini membuktikan calon langsung tidak menguasai isi pelajaran sehingga tidak mampu membezakan istilah utama dalam sesebuah topik.

Soalan 1(c)(ii)

ii. Cadangkan dua cara untuk membendung ajaran Taslim daripada terus merebak.

Contoh Jawapan Yang Baik

ii) 2 cara membendung ajaran Taslim daripada terus merebak

- 1 - Kuatkuasa undang-undang P7 2m
- 2 - Menghapuskan tm perkampungan mereka P5 2m
- 3 - Menangkap dan ketuk mereka P7
- 4 - Memberi pendedahan mengenai ajaran Islam kepada pengikut ajaran tersebut. 2m

Contoh 2

- Mengadakan program pemulihan akidah.
- Menguatkuasakan undang-undang.
- Melaporkan kepada pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Agama Islam.

Ulasan

Calon cemerlang berjaya mengemukakan pilihan jawapan yang pelbagai merujuk kepada cara membendung ajaran Taslim. Isi jawapan dihurai dengan baik dan disusun dengan kemas dan teratur. Mukadimah jawapan ditulis sebelum memulakan pilihan jawapan yang merupakan teknik penulisan jawapan yang baik. Keseluruhannya calon ini menguasai isi pelajaran dengan mantap.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

| | |
|------|--|
| (ii) | Dua cara untuk membendung ajaran taslim daripada terus merebak ialah |
| | 1. Membanteras pengasas dan pengikut ajaran ini supaya tidak merebak. |
| | 2. Menghukum mereka yang menjadi pengikut ajaran taslim. |

Contoh 2

Mengharamkan wujudnya ajaran sesat serta menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengannya.

Contoh 3

- Menguatkuasakan undang-undang
- Mengenakan hukuman yang berat

Ulasan

Calon sederhana mampu mengutarakan idea tetapi sebahagiannya berulang dan tidak menepati kehendak soalan. Sebahagian yang lain menulis cara-cara membendung ajaran sesat yang dilaksanakan oleh pihak tertentu sahaja. Hal ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran. Oleh itu jawapan yang diberikan hanya menepati sebahagian kehendak soalan.

Contoh Jawapan Yang Rendah

| | |
|-------|--|
| (iii) | Taslim Ibrahim Pengorbanan membendung. X |
|-------|--|

Calon lemah tidak mampu menghuraikan isi jawapan dengan betul. Hal ini berpunca daripada kegagalan calon menguasai isi pelajaran sekali gus calon gagal memahami kehendak soalan.

Soalan 2(a)(i)

Ibadah korban dilakukan untuk menghayati pengorbanan Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s.

- Bilakah umat Islam disunatkan melakukan ibadah korban?

Contoh Jawapan Yang Baik

| | |
|----|---|
| i. | - Hari-hari Tasuik. |
| | - Hari Raya Aidiladha atau juga dikenali sebagai Hari Raya Korban. |

Contoh 2

Umat Islam disunatkan melakukan ibadat korban pada:

- Hari raya korban
- Pada hari yang ke-10,11,12,13 Zulhijjah.

Ulasan

Calon cemerlang dapat menjawab dengan tepat. Isi jawapan lebih dari yang dikehendaki.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

Umat Islam disunatkan melakukan ibadat korban ialah
pada hari raya haji P2AM
Apabila berkemampuan
untuk bersedekah

Contoh 2

Waktu umat Islam disunatkan berkorban ialah pada:

- Pada 9 hingga 15 Zulhijjah
- Pada bulan Zulkaedah iaitu bulan haji dan selepas solat Aidiladha.
- Hari Raya Haji dan Hari Raya Aidilfitri.

Ulasan

Calon sederhana dapat mengemukakan pilihan jawapan yang banyak tetapi bercampur antara betul dan salah. Persembahan jawapan menggambarkan calon masih keliru dan ragu-ragu dengan jawapan. Hal ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran dengan mantap.

Contoh Jawapan Yang Rendah

a) Umat Islam disunatkan melakukan ibadat korban ialah pada bulan
haji atau umrah. X

Contoh 2

Waktu ibadat korban

- Apabila melakukan akikah untuk anak.

Contoh 3

- Apabila akil baligh
- Berfikiran matang.

Ulasan

Calon lemah menjawab soalan secara umum dan bercampur antara fakta korban dan akikah. Hal ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran dengan baik. Keadaan ini menambahkan kekeliruan semasa menjawab.

Soalan 2(a)(ii)

ii. Cadangkan cara menggalakkan masyarakat Islam melakukan ibadah korban.

Contoh Jawapan Yang Baik

(ii) Cara menggalakkan masyarakat Islam melakukan ibadah korban

- o melakukan ibadah korban ini beramai-ramai. ^{P2}
- o menerangkan ^{P3} kebaikan dan pahala yang didapati daripada melakukan ibadah ini.

Contoh 2

Cara menggalakkan umat Islam melakukan korban

- Menjemput masyarakat ke tempat korban untuk menyaksikan acara korban
- Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kebaikan amalan korban.
- Mengajak masyarakat menghayati peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail a.s.
- Bekerjasama melakukan korban.

Ulasan

Calon cemerlang menyediakan skrip jawapan yang mantap dengan susunan bahasa dan huraian yang terperinci. Isi jawapan didahului dengan mukadimah jawapan dengan disertai pilihan jawapan yang banyak. Hal ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran selengkapnyanya dan bersedia untuk menjawab dengan baik.

Contoh Jawapan Yang Sederhana


Mengajak masyarakat untuk ^{bertolong} menolong membantu dalam melakukan ibadah korban.

Dengan bersedekah ^{berbantuan} iaitu dengan ^{berbantuan} memberi ^{berbantuan} ~~seket~~ ^{barang} ~~tem~~ al-an'am untuk disedekahkan kepada orang ramai.

Ulasan

Calon sederhana mengemukakan jawapan yang memerlukan penelitian dan pengamatan untuk mentafsirkannya. Penerangan isi jawapan kabur dan kurang jelas tetapi menghampiri kehendak soalan. Hal ini menunjukkan calon kurang menguasai isi pelajaran dengan baik.

Contoh Jawapan Yang Rendah



Contoh 2

- Umat Islam perlu belajar cara melakukan korban
- Dapat bersedekah daging korban kepada fakir miskin
- Boleh mengeratkan silaturrahim antara satu sama lain dan bekerjasama
- Mendekatkan diri kepada Allah
- Menjalinkan perhubungan persaudaraan

Contoh 3

- Untuk diberikan kepada orang-orang Islam supaya sama-sama dapat merasai daging korban tersebut.
- Supaya masyarakat Islam dapat merasakan kenikmatan dan dapat mengeratkan silaturrahim.

Ulasan

Calon lemah mengemukakan jawapan menjurus kepada hikmat korban sedangkan soalan mengkehendakkan cara menggalakkan ibadah korban. Hal ini menunjukkan calon tidak menguasai isi pelajaran sekali gus tidak memahami kehendak soalan .

Soalan 2(a)(iii)

iii. Jelaskan dua perbezaan antara korban dan sembelihan.

Contoh Jawapan Yang Baik

| iii. | Korban | Sembelihan |
|------|---|--|
| | Dilakukan pada hari-hari Tasuik atau Hari Raya Aidiladha | Boleh dilakukan pada bila-bila masa. |
| | Dilakukan keatas haiwan ternakan yang berkaki empat sehaja dan halal sahaja. | Bata Dilakukan keatas haiwan yang halal dimakan. |
| | Daging korban tidak boleh diberi makan kepada orang kafir | Boleh di beri Dagingnya boleh di beri makan kepada orang kafir. |

Contoh 2

| Perbezaan antara ibadat korban dan sembelihan | |
|---|---|
| Korban | Sembelihan |
| i. Dilakukan pada Hari Raya Aidiladha. | i. Dilakukan pada bila-bila masa. |
| ii. Dagingnya wajib disedekahkan kepada fakir miskin. | ii. Dagingnya tidak wajib disedekahkan. |

Ulasan

Calon cemerlang mengemukakan isi jawapan daripada pelbagai aspek perbandingan termasuk masa, hukum, pembahagian daging antara ibadat korban dan sembelihan. Isi jawapan dipersembahkan dengan tersusun dan kemas diikuti huraian fakta yang jelas. Skrip jawapan ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran secara menyeluruh dan terperinci.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

| iii - | korban | sembelih - |
|-------|---------------------------------|--|
| | ↳ dikorbankan oleh ahli kitab | ↳ disembelih oleh sesapa sahaja. |
| | ↳ dilakukan pada hari aidiladha | ↳ dilakukan pada bila-bila masa sahaja |

Contoh 2

| Perbezaan antara ibadat korban dan sembelihan | |
|---|---|
| Korban | Sembelihan |
| i. Dilakukan pada Aidiladha | i. Apabila bersyukur dan membayar akikah. |
| ii. Binatang an'am sahaja dan mencukupi umur ditetapkan | ii. Mengikut bilangan yang telah ditetapkan. |
| iii. Binatang yang telah dikhaskan | iii. Binatang yang mengalami kecederaan dan harus disembelih. |

Ulasan

Calon sederhana mengemukakan isi jawapan perbandingan dalam pelbagai aspek tetapi tidak disusun secara perbandingan antara ibadat korban dan sembelihan. Hal ini menyebabkan jawapan calon tidak menepati kehendak soalan yang menghendaki aspek perbezaan yang jelas antara kedua-duanya. Jelaslah bahawa calon menguasai isi pelajaran dengan baik tetapi tidak mempunyai kemahiran menjawab soalan perbandingan yang mengakibatkan skrip jawapan menjadi pernyataan bukannya menghuraikan perbezaan.

Contoh Jawapan Yang Rendah

| iii) dua perbezaan antara korban dan sembelihan | |
|---|--|
| Korban | Sembelihan |
| a) Dilakukan oleh orang Islam <i>l</i> | pada bila-bila masa. <i>l</i> |
| b) Tidak menghadap kiblat <i>l</i> | tidak boleh sembelih binatang dihadapan binatang lain <i>l</i> |
| c) dimulakan dengan bacaan bismillah <i>l</i> | diutamakan membaca bismillah <i>l</i> |

Contoh 2

| Perbezaan antara ibadat korban dan sembelihan | |
|---|--|
| Korban | Sembelihan |
| i. Membaca basmalah | i. Membaca basmalah |
| ii. Menggunakan pisau yang tajam | ii. Menggunakan pisau yang tajam. |
| iii. Tidak makan binatang yang disembelih | iii. Memakan binatang yang disembelih. |

Ulasan

Calon lemah mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Calon ini menjelaskan syarat-syarat dan sunat sembelihan bukannya perbezaan antara ibadat korban dan sembelihan. Jawapan ini menggambarkan calon langsung tidak menguasai isi pelajaran berkaitan kedua-duanya. Oleh itu calon menulis secara rambang tanpa sebarang fakta yang menepati perbandingan antara korban dan sembelihan.

Soalan 2(b)(i)

Isteri yang ingin menuntut fasakh daripada suaminya hendaklah mengemukakan tuntutan tersebut di Mahkamah Syariah.

i. Nyatakan maksud "menuntut fasakh"

Contoh Jawapan Yang Baik

| |
|---|
| <p>b)i. "Menuntut fasakh" bermaksud meminta pembatalan perkahwinan melalui mahkamah atau kadi disebabkan suami tidak mematuhi akad semasa nikah. <i>p3 2m</i></p> |
|---|

Contoh 2

Fasakh ialah isteri yang menuntut cerai daripada suami apabila suami melakukan kezaliman terhadapnya atau suami tidak bertanggungjawab.

Ulasan

Calon cemerlang mempersembahkan jawapan konsep menuntut fasakh dengan huraian yang jelas dan mantap memenuhi kehendak soalan. Calon ini mampu membezakan kaedah perceraian dalam Islam dengan baik. Calon juga tidak menunjukkan sebarang kekeliruan semasa menulis skrip jawapan. Hal ini membuktikan calon menguasai isi pelajaran dengan mantap.

Contoh Jawapan Yang Sederhana

b) i - menuntut fasakh ialah ~~su~~ isteri meminta batal perkahwinan. P1

Contoh 2

Isteri minta cerai daripada suami.

Ulasan

Calon sederhana hanya mengemukakan isi jawapan secara ringkas dengan huraian secara sederhana tetapi masih menepati sebahagian isi pelajaran. Persembahan ini menggambarkan calon hanya menguasai sebahagian isi pelajaran dan calon tidak berupaya mempersembahkan isi jawapan yang lebih mantap.

Contoh Jawapan Yang Rendah

Maksud menuntut fasakh ialah menuntut hak jagaan daripada suami.

Contoh 2

Menuntut fasakh kerana tidak tahan dengan suami yang tidak bertanggungjawab.

Ulasan

Jawapan calon lemah merujuk kepada perkara yang membolehkan isteri menuntut fasakh sedangkan soalan menghendaki pengertian menuntut fasakh. Hal ini membuktikan calon tidak menguasai isi pelajaran (fasakh) secara terperinci yang mengakibatkan calon keliru dan menyeleweng daripada kehendak soalan.

Soalan 2(b)(ii)

ii. Bagaimanakah cara yang sepatutnya suami lakukan untuk mendapatkan semula isterinya setelah berlaku fasakh?

Contoh Jawapan Yang Baik

ii- Cara yang ~~suami~~ suami patut lakukan untuk mendapatkan semula isterinya setelah berlaku fasakh?

1. Melalui akad dan mahar yang ^{2m} baru.
2. Berkahwin semula

Contoh 2

Cara yang patut suami lakukan untuk mendapat isterinya semula ialah: Dengan akad yang baru dan dengan mahar yang baru.

Ulasan

Calon cemerlang mengemukakan isi jawapan yang menepati kehendak soalan iaitu cara suami untuk mendapatkan balik isterinya setelah berlaku fasakh. Jawapan yang diberikan mantap. Huraian dan fakta yang dikemukakan oleh calon juga jelas. Hal ini menunjukkan calon menguasai tajuk fasakh dengan baik.

Contoh Jawapan Yang Rendah

Cara yang suami patut lakukan untuk mendapatkan semula isterinya setelah berlaku fasakh ialah dengan merujuk isterinya kembali dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya itu.

Contoh 2

Cara suami mendapatkan semula isteri ialah:-

- Berbaik-baik dengan bekas isteri.
- Merujuk semula isteri.
- Segera bertaubat.
- Meninggalkan perangai buruk dan berubah ke arah kebaikan.
- Mengenal pasti salah lakunya.

Contoh 3

Isterinya berkahwin dengan lelaki lain, kemudian suaminya telah menceraikan dan ia boleh berbaik kepada suami pertamanya.

Contoh 4

Memohon kepada mahkamah supaya ia mendapatkan isterinya semula dalam tempoh idah dan berjanji memberi nafkah dan menjaga isterinya dengan baik.

Ulasan

Calon lemah menjawab berdasarkan logik bukannya fakta dalam isi pelajaran. Soalan meminta calon mengenai cara suami bersama dengan isteri setelah fasakh menurut perspektif Islam tetapi calon mengemukakan pendapat sendiri. Sebahagian calon terkeliru